



15 Mei 2012
15 May 2012
P.U. (B) 180

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

*REVOCATION OF RESERVATION OF LAND FOR PUBLIC
PURPOSE*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

KANUN TANAH NEGARA

PEMBATALAN PERIZABAN TANAH BAGI MAKSUD AWAM

BAHAWASANYA, melalui *Pemberitahuan No. 500/1955* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Negeri Selangor* pada 22 September 1955, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada Raja dalam Mesyuarat oleh seksyen 24(i) Kanun Tanah 1926 [*No. 24/1926*], dan diwakilkan kepadanya melalui *Warta Kerajaan Negeri Selangor P.W. Sel. 188/1952*, Menteri Besar Selangor, telah mengisytiharkan bahawa petak tanah iaitu No. Lot 172 yang terletak di dalam Seksyen 95 Bandar Kuala Lumpur, seluas 6 ekar 2 rud 8 pol yang ditandakan di atas pelan ukur hasil No. 21,518 yang sekarang disimpan di Pejabat Pengarah Ukur dan Pemetaan, Selangor menjadi suatu rizab bagi maksud awam, iaitu, suatu tapak untuk kawasan lapang yang hendaklah disenggarakan oleh Presiden, Majlis Perbandaran Kuala Lumpur (sekarang digelar Datuk Bandar Kuala Lumpur):

DAN BAHAWASANYA, melalui *P.U. (B) 108/2003* yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan Persekutuan* pada 3 Mac 2003, Kerajaan Persekutuan telah mewakilkan penjalanan kuasanya di bawah seksyen 64 Kanun Tanah Negara [*Akta 56/1965*] kepada Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur:

DAN BAHAWASANYA, adalah didapati suai manfaat sekarang oleh Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur supaya sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu dibatalkan:

DAN BAHAWASANYA, notis mengenai cadangan untuk membatalkan sebahagian perizaban yang disebut terdahulu itu yang diperihalkan dalam Jadual berserta dengan butir-butir mengenai masa dan tempat di mana suatu siasatan akan diadakan oleh Pentadbir Tanah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk mendengar mana-mana orang yang berhasrat untuk membantah terhadap pembatalan itu telah ditampalkan mengikut peruntukan seksyen 433 Kanun Tanah Negara dan juga telah